

SOALAN NO: 220

Bermula tahun 2010, Kerajaan Malaysia telah menguatkuasakan undang-undang berkaitan perlindungan data peribadi melalui Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709). Objektif utama undang-undang ini adalah untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial oleh pengguna data dan melindungi kepentingan data peribadi umum.

Oleh itu, sekiranya mana-mana syarikat telekomunikasi didapati menjual data peribadi pelanggan kepada pihak lain tanpa persetujuan pengguna, aduan secara terus boleh dibuat kepada Ketua Pengarah, Jabatan Perlindungan Data Peribadi untuk siasatan dan seterusnya tindakan undang-undang. Setakat ini SKMM tidak pernah menerima apa-apa aduan / maklumat / kes seumpama ini daripada Jabatan Perlindungan Data Peribadi.